

#FORUMsg

IKUTI PERBINCANGAN  
ISU SEMASA

Seorang peserta dilatih di Mindset Learning Hub.

Seor

## Pusat latihan baru bantu pesakit mental kembali bekerja

1/10/2016 21:35



SINGAPURA: Sebuah pusat latihan baru diharap dapat merubah tanggapan bahawa adalah sukar bagi seseorang pesakit mental untuk mendapat pekerjaan ataupun kekal bekerja.

'MINDSET Learning Hub' mahu mengubah tanggapan itu dengan melengkapi para pesakit mental yang dalam proses penyembuhan dengan kemahiran baru bagi memasuki semula pasaran pekerjaan.

Seorang pesakit mental yang kini mengikuti kursus di MINDSET Learning Hub berkata beliau sering mengalami kesulitan untuk mendapatkan pekerjaan.

Wanita berusia 37 tahun itu, yang tidak mahu identitinya didedahkan, sedang pulih daripada masalah skizofrenia tidak serius, kemurungan dan mudah berasa bimbang. Beliau berharap akan dapat bekerja dalam sektor makanan dan minuman (F&B).

MINDSET Learning Hub menawarkan latihan bagi mereka yang mengalami masalah kesihatan mental. Selain melatih meningkatkan keyakinan, para peserta kursus dapat

menimba pengalaman secara langsung dalam bidang F&B, pelayanan dan jagaan kesihatan.

Yuran latihan ditanggung pusat tersebut, yang turut membantu para peserta mencari kerja selepas tamat latihan.

Persatuan Kesihatan Mental Singapura yang bekerjasama dengan pusat latihan itu menyatakan adalah penting untuk golongan yang sedang pulih daripada isu-isu kesihatan mental kembali bekerja.

Sejak mula menawarkan latihan Ogos lalu, kira-kira 80 orang sudah meraih manfaat daripadanya. Pusat tersebut berharap dapat melatih 300 orang setahun.

- CNA/nd



### Apa Kata Anda ?

Permainan Pokemon Go juga patut dikawal dan dilarang di sebahagian kawasan di Singapura. Anda setuju?

- Ya
- Kurang pasti
- Tidak

Sila Undi

### Lebih banyak dari Berita

[Relawan belia anjur pelbagai acara pupuk keharmonian antara generasi](#)

[APM 2016: Ayda Jebat menang besar, Sufi tundukkan Taufik dalam 2 kategori](#)

[Peserta Chef Selebriti hadapi tuduhan seks luar tabii, kali ini di Malaysia pula](#)

[Beg tangan diperbuat dari bangkai kucing dijual online](#)

[Pelajar 21 tahun sekali lagi dirogol beramai-ramai oleh lelaki yang sama](#)

Recommended by

### Paling Popular

[Anda kenal lelaki ini? Polis sedang memburunya berhubung kes gelapkan harta](#)

[Iskandah Suhaimi yang tahan budak sebagai tebusan didakwa miliki buku lima](#)

[Krisis tebusan kanak-kanak 2 tahun di Sembawang Drive berakhir, lelaki terbabit ditangkap](#)

[Kanak-kanak tebusan di Sembawang: Sehingga 9.30 pagi rundingan masih diteruskan](#)

[Video bogel: Keluarga wanita rayu orang ramai padam rakaman](#)



---

Singapura

Mediacorp News Group © 2016

[About Us](#)   [Our Brands](#)   [Contact Us](#)   [Terms & Usage](#)   [Privacy](#)